




14 SEP, 2026

2 maut disyaki kena renjatan elektrik

Berita Harian, Malaysia



Wan Affida Malina Wan Awang, menunjukkan gambar arwah adiknya, Wan Adilah.
 (Foto Nurul Fatimah Sulaini/BH)



Muhammad Naim Wan Hussin menunjukkan gambar arwah isterinya, Rubayyi ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Daerah Besut.

2 maut disyaki kena renjatan elektrik

Dua wanita ditemukan tidak sedarkan diri di kawasan kolam ikan

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
 bhnews@bh.com.my

Besut: Dua wanita maut selepas ditemukan tidak sedarkan diri disyaki terkena renjatan elektrik di kolam ternakan ikan di Pantai Air Tawar, di sini semalam.

Mangsa yang maut ialah pemilik kolam, Wan Adilah Wan

Awang, 49, dan pelajar praktikal, Rubayyi Razak, 27.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Mohd Rozaim Ab Rahim, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian membabitkan dua wanita yang ditemukan tidak sedarkan diri di kawasan kolam berkenaan kira-kira jam 1.40 petang.

Punca masih disiasat

"Kedua-dua mangsa masing-masing berusia 49 dan 27 tahun disyaki terkena renjatan elektrik di kawasan kolam berkenaan.

"Pegawai perubatan yang hadir ke lokasi mengesahkan kedua-dua mangsa meninggal dunia," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Mohd Rozaim berkata, punca

sebenar kejadian masih dalam siasatan dan setakat ini kes diklasifikasikan sebagai laporan mati mengejut (SDR).

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat yang belum disahkan berhubung kejadian itu.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kematian kedua-dua mangsa," katanya.

Mayat kedua-dua mangsa dihantar ke Unit Forensik Hospital Daerah Besut untuk proses bedah siasat.

Pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut hadir ke lokasi bagi membantu pemeriksaan berkaitan sistem bekalan elektrik di kawasan kejadian.